

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 2000/2001

April/Mei 2001

**ZCT 210/4 - Analisis Kompleks dan Persamaan Pembezaan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua LAPAN soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Selesaikan persamaan pembezaan tertib satu berikut:

$$x^2 dx + y(x - 1)dy = 0 \quad (10/100)$$

2. Pertimbangkan persamaan pembezaan tertib kedua berikut:

$$\frac{d^2y}{dx^2} - 5\frac{dy}{dx} + 6y = 0$$

- (a) Tunjukkan bahawa  $e^{2x}$  dan  $e^{3x}$  adalah penyelesaian yang tak bersandaran secara linear bagi persamaan pembezaan di atas dalam selang  $-\infty < x < \infty$ .
- (b) Tuliskan penyelesaian amnya.
- (c) Carikan penyelesaian yang memenuhi syarat berikut;  $y(0) = 2$  dan  $y'(0) = 3$ .

(10/100)

... 2/-

3. Selesaikan persamaan pembezaan tertib kedua berikut;

$$\frac{d^2y}{dx^2} - 4 \frac{dy}{dx} + 13y = 8 \sin 3x$$

$$y(0) = 1$$

$$y'(0) = 2$$

(15/100)

4. Carikan penyelesaian siri kuasa dalam kuasa atau sebutan  $x$  bagi persamaan pembezaan tertib kedua berikut;

$$\frac{d^2y}{dx^2} + x \frac{dy}{dx} + (2x^2 + 1)y = 0$$

(15/100)

5. Carikan semua nilai bagi  $(1+i)^{(1-i)}$ .

(10/100)

6. Carikan  $\int_C f(z)dz$  melalui kontur  $C$  yang ditetapkan di mana  $f$  dianggap selanjar atas  $C$ .

$$f(z) = \frac{z+2}{z} \text{ dan } C \text{ adalah semibulatan } z = 2e^{i\theta} (0 \leq \theta \leq \pi).$$

(15/100)

7. Biarkan  $C$  sebagai sempadan suatu petakan segi empat sama dalam satah kompleks di mana garisan-garisan sempadan adalah  $x = \pm 2$  dan  $y = \pm 2$  dan berarah lawanjam.

Tentukan

$$\int_C \frac{\cos z}{z(z^2 + 8)} dz$$

(10/100)

8. Hitungkan kamiran berikut dengan menggunakan teorem Reja;

$$\oint_{|z|=5} \left[ ze^{3/z} + \frac{\cos z}{z^2(z-\pi)^3} \right] dz$$

(15/100)